



## NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	KOD BIDANG	HARGA DAN TARIKH JUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA
MPAG.04/2021	Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Di Majlis Perbandaran Alor Gajah	Kementerian Kewangan Dalam Kod Bidang <b>221502</b>	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)  1 Mac 2021 (Isnin) sehingga 8 Mac 2021 (Isnin)
MPAG.05/2021	Perkhidmatan Membekal Perabot Untuk Bilik Pegawai Pejabat Baru Majlis Perbandaran Alor Gajah	Kementerian Kewangan Dalam Kod Bidang <b>020101</b> dan <b>020199</b>	

2. Dokumen tawaran boleh didapati di **Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)** mulai **1 Mac 2021 (Isnin)** waktu pejabat dari jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang**. Naskah tawaran boleh didapati secara tunai berjumlah **RM50.00** sebagai bayaran Dokumen Sebutharga dan mengemukakan **Sijil Asal Kementerian Kewangan** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** untuk pengesahan serta **satu (1) salinan** untuk simpanan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Wakil syarikat perlu membawa surat wakil yang sah untuk pembelian dokumen sebutharga.

3. Untuk makluman kontraktor yang ingin membeli Dokumen Sebut Harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai kontraktor MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** sekali sahaja serta mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat, Penyata Kewangan dan Cop Syarikat.

4. Pihak kontraktor perlu mematuhi garis panduan (SOP) bagi pembelian sebutharga yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan.

5. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang belakri dengan mencatatkan nombor sebutharga di penjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Majlis Perbandaran Alor Gajah** sebelum atau pada **9 Mac 2021 (Selasa)** sebelum jam **12.00** tengahari. Dokumen sebutharga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak,

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MOHD FADHIL BIN HASSAN**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Alor Gajah

Tarikh : 26 Februari 2021